



**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MANGSA KEBAKARAN TERIMA BANTUAN IHSAN DARIPADA JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 24 OKTOBER 2023** – YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah Persekutuan hari ini menyantuni mangsa kebakaran Jalan Jinjang Permai, Jinjang Utara di Kompleks Sukan Seri Delima, Jalan Kuching, Kuala Lumpur. Penyerahan bantuan ihsan berupa wang tunai serta barang keperluan harian kepada empat keluarga yang terkesan dengan kebakaran pada 21 Oktober 2023 (Sabtu) lalu dapat membantu meringankan beban keluarga yang terjejas akibat kehilangan harta benda. Insiden kebakaran tersebut telah mengakibatkan kemasuhan sepenuhnya empat buah rumah.

Mangsa terdiri daripada 15 orang dewasa, 7 orang warga emas, 8 orang kanak-kanak, 3 orang kurang upaya dan seorang bayi telah berjaya diselamatkan tanpa sebarang kecederaan. Hanya sebuah keluarga ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara, Kompleks Sukan Seri Delima, Jalan Kuching manakala tiga lagi keluarga memilih untuk menetap di luar dan di rumah rakan/saudara.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyerahkan bantuan makanan, minuman dan barang keperluan asas kepada keluarga mangsa kebakaran yang tinggal di Pusat Pemindahan Sementara. Jabatan Wilayah Persekutuan berharap bantuan yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mereka dalam mengharungi tempoh yang penuh mencabar. Jabatan Wilayah Persekutuan juga mengalakkan pihak-pihak lain untuk bersama-sama membantu mereka yang terkesan dalam insiden kebakaran ini seiring dengan nilai Ihsan Malaysia MADANI.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Wilayah Persekutuan**  
**24 Oktober 2023**